

12 FEB 2003

Abdullah-Shahidan

SHAHIDAN DITEGUR KERANA CADANGAN PANJANGKAN WAKTU SEKOLAH

KEPALA BATAS, 12 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim tidak sepatutnya memanjangkan waktu persekolahan di negeri itu tanpa berunding dengan Kementerian Pendidikan.

Katanya, tindakan kerajaan negeri Perlis itu akan menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat.

"Shahidan tidak patut buat sendiri, beliau kena bincang dengan kementerian dahulu...kita tidak mahu berlaku sebarang kekeliruan kepada rakyat," katanya ketika mengulas keputusan kerajaan negeri Perlis yang tetap mahu memanjangkan waktu persekolahan mulai 1 Mac depan.

Shahidan semalam menjelaskan program yang akan dilaksanakan itu bukan sistem persekolahan satu sesi tetapi merupakan program tuisyen atau kelas tambahan.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dalam satu kenyataan semalam berkata langkah itu akan menimbulkan implikasi serius memandangkan memandangkan persekolahan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan pusat.

Abdullah yang ditemui pemberita selepas menghadiri majlis kenduri Hari Raya Korban di Kampung Permatang Pak Elong di sini, berkata walau apa tujuan untuk perubahan mengenai waktu persekolahan, ia harus dibincang dengan kementerian terlebih dahulu.

Shahidan semalam berkata langkah itu adalah selaras dengan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya subjek-subjek Sekolah Agama Rakyat seperti bahasa Arab dan Fardu Ain diajar di sekolah kerajaan pada sebelah petang.

Beliau berkata bagi murid bukan Melayu, mereka boleh mengikuti subjek bahasa Inggeris, Pendidikan Moral dan bahasa ibunda.

Shahidan juga menjelaskan persekolahan sesi petang tidak akan membabitkan guru-guru sesi pagi, sebaliknya guru-guru berasingan yang boleh dibayar elaun daripada yang pernah diumumkan oleh Kementerian Pendidikan.

Terdahulu ketika berucap pada majlis kenduri berkenaan, Abdullah berkata umat Islam di negara ini telah membuktikan bahawa Islam adalah agama yang cintakan kedamaian dan keamanan apabila boleh hidup dan bertoleransi dengan masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

Katanya, masyarakat Islam Malaysia berjaya mempertahankan imej Islam yang terjejas teruk akibat peristiwa serangan 11 Sept yang dikaitkan dengan ekstremis Islam.

"Umat Islam seluruh dunia menyambut Aidiladha dengan perasaan tidak senang hati kerana saudara mereka di Palestin menghadapi penderitaan kerana hak mereka diceroboh manakala di Iraq diancam serangan oleh Amerika Syarikat," katanya.

Katanya, walaupun umat Islam Malaysia tidak dapat berbuat sesuatu untuk memperbaiki nasib umat Islam di luar negara, tetapi mereka masih boleh berbuat demikian di negara iaitu dengan mengukuhkan perpaduan dan kerjasama.

"Tiada ubat untuk memastikan kita hidup dengan aman kecuali dengan bekerjasama dan bersatupadu," katanya.

Beliau berkata, masyarakat Islam di Malaysia juga membuktikan bahawa mereka bukan cuma mementingkan perpaduan sesama sendiri malah mereka tidak ingin melihat kaum-kaum lain menderita atau hidup tertindas.

Abdullah berkata, umat Islam tidak seharusnya menyalahkan orang lain jika mereka ditindas tetapi haruslah mencari dimanakah kelemahan diri yang

menyebabkan mereka boleh ditindas.

Ketika ditanya, mengenai keselamatan pelajar dan ahli perniagaan Malaysia di Iraq yang masih belum meninggalkan negara itu, beliau berkata, mereka telahpun diberi arahan dan nasihat dan mereka haruslah mengambil tindakan berdasarkan situasi yang berubah.

-- BERNAMA

AZE ZS MOZ